

Fenomena air merah

*Jabatan Perikanan Sabah
beri amaran elak makan
kerang-kerangan*



JABATAN Perikanan Sabah mengeluarkan notis amaran berhubung larangan memakan kerang-kerangan di sepanjang perairan Kota Kinabalu hingga ke Tuaran berkuantan fenomena air merah atau Red Tide yang dikesan di perairan Tuaran.

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

+Kota Kinabalu

Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah kelmarin mengesahkan berlaku fenomena air merah atau *Red Tide* yang disebabkan ledakan pembiakan alga beracun di beberapa perairan sekitar bandar raya ini dan Tuaran di sini.

Menterinya, Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, Jabatan Perikanan Sabah sudah mengeluarkan notis amaran berhubung fenomena itu yang meminta orang ramai tidak memakan kerang-kerangan kerana di kuatir mengandungi toksik atau racun daripada alga terbabit.

Katanya, jabatan juga memutuskan melaksanakan la-

rangan sementara aktiviti tuaian, jualan dan pengambilan kerang-kerangan dari kawasan yang terjejas akibat fenomena ledakan alga berkenaan.

Beliau berkata, dua jenis alga dikesan menjadi punca fenomena itu iaitu *margalefidinium polykrikoides* (*Cochlodinium*) dan *pyroedinium bahamense* mengeluarkan toksin berbahaya yang boleh menjelaskan kesihatan manusia dan hidupan marin.

“Kehadiran kedua-dua alga beracun itu dikesan menerusi ujian sampel air laut yang diambil di beberapa lokasi sekitar perairan Kota Kinabalu pada 16 Februari lalu.

“Fenomena *Red Tide* se-

ring berlaku di perairan pantai barat Sabah bermula dari Sipitang ke Kuala Penyu, Tuaran dan Kota Belud.

“Bagaimanapun, di perairan pantai timur Sabah fenomena ini jarang berlaku dan tidak pernah dilaporkan sejak lebih 20 tahun lalu,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, kelmarin.

Jeffrey yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah berkata, alga *Margalefidinium polykrikoides* tidak membahayakan manusia tetapi ia berbahaya kepada ikan, khususnya yang diterap dalam sangkar.

Bagaimanapun, katanya, alga *Pyroedinium bahamen-*

se dikenal pasti berbahaya kepada manusia jika termakan.

Katanya, toksik daripada alga berkenaan boleh terkumpul dalam hidupan berengkerang seperti kerang, tiram, kupang dan kepah yang boleh menyebabkan *paralytic shellfish poisoning* (PSP) jika dimakan manusia.

“Simptom PSP boleh dikesan berdasarkan rasa kesemutan, kebas, seperti terbakar dalam mulut, bibir dan lidah, diikuti sakit kepala, pening, loya dan muntah.

“Dalam kes yang teruk ia menyebabkan lumpuh, kesukaran pernafasan, koma dan kematian. Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya tidak memakan sebarang kerang-kerangan dari kawasan terjejas,” katanya.

**“
Kehadiran
kedua-dua alga
beracun dikesan
menerusi ujian
sampel air laut
Dr Jeffrey**